

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

NOTA AMALAN 28

TATACARA PENYENARAIAN BAGI TERBITAN BAHARU SEKURITI DAN PEMBAHAGIAN KECIL SYER

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa:	3 Ogos 2009
Tarikh semakan:	3 Januari 2012, 26 September 2012, 25 Mac 2013, 27 Januari 2015, 1 April 2015, 13 Julai 2015, 2 Januari 2018, 9 April 2018, 13 Ogos 2020
	Perenggan 6.02, 6.02A, 6.49, 6.59, 6.60 dan 13.04

1.0 Pengenalan

- 1.1 Nota Amalan ini menyatakan kehendak-kehendak yang berikut berhubung dengan permohonan bagi penyenaian terbitan baharu sekuriti di bawah Bab 6 dan pembahagian kecil syer di bawah Bab 13, Kehendak-Kehendak Penyenaian:
- (a) tatacara bagi penyenaian terbitan baharu sekuriti dan pembahagian kecil syer;
 - (b) bentuk permohonan penyenaian dan sebut harga (jika berkenaan) dan dokumen sokongan; dan
 - (c) kehendak lain yang berkenaan.
- 1.2 Berhubung dengan terbitan baharu sekuriti menurut atau yang akan mengakibatkan perubahan signifikan dalam haluan perniagaan dan dasar penerbit tersenarai, penerbit tersenarai mesti mematuhi kehendak dalam Nota Amalan 21, jika berkenaan, seolah-olah ia pemohon yang memohon penerimaan masuk ke Senarai Rasmi. Walau bagaimanapun, apabila penerbit tersenarai itu menerbitkan sekuriti baharu, penerbit tersenarai itu mesti mematuhi kehendak dalam Nota Amalan ini, jika berkenaan.

BAHAGIAN I TATACARA PERMOHONAN DAN PROSES PENERIMAAN MASUK

2.0 Tatacara yang berhubung dengan penyenaian terbitan baharu sekuriti

- 2.1 Tatacara yang berikut terpakai bagi penyenaian terbitan baharu sekuriti oleh penerbit tersenarai yang tidak termasuk dalam perenggan 3.0 atau 4.0, dengan ubah suaian yang perlu, mengikut mana-mana yang berkenaan:

Tatacara Penyenaian bagi Terbitan Baharu Sekuriti dan Pembahagian Kecil Syer

- (a) penerbit tersenarai dengan serta-merta mengumumkan terbitan baharu sekuriti kepada Bursa apabila kelulusan lembaga pengarah penerbit tersenarai diperolehi;
- (b) penerbit tersenarai memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaian terbitan baharu sekuriti berserta dengan dokumen sokongan dan draf surat pekeliling untuk kajian semula Bursa, jika berkenaan;
- (c) Bursa memberikan kelulusan secara prinsip bagi penyenaian terbitan baharu sekuriti dan mengesahkan bahawa ia tidak mempunyai ulasan lanjut terhadap draf surat pekeliling;
- (d) penerbit tersenarai mendapatkan kelulusan pemegang syer, jika dikehendaki;
- (e) penerbit tersenarai menetapkan tarikh tutup buku dan kelayakan yang berkenaan, jika berkenaan dan dengan serta-merta mengumumkan tarikh itu kepada Bursa;
- (f) penerbit tersenarai menerbitkan dan mengumpulkan sekuriti;
- (g) penerbit tersenarai memfailkan dengan Bursa permohonan sebut harga berserta dengan dokumen sokongan; dan
- (h) sekuriti diterima masuk ke Senarai Rasmi dan disebut harga di Bursa 2 hari pasaran selepas penerimaan permohonan sebut harga berserta dengan dokumen yang diperlukan dan/atau pengesahan dan ia didapati lengkap dalam semua aspek.

3.0 Tatacara yang berhubungan dengan penyenaian terbitan bonus sekuriti dan penyenaian sekuriti boleh ubah yang timbul daripada terbitan bonus**3.1 Tatacara yang berikut terpakai bagi penyenaian -**

- (a) terbitan bonus sekuriti oleh penerbit tersenarai; dan
- (b) apa-apa terbitan sekuriti boleh ubah yang timbul daripada penyelarasan yang disebabkan oleh terbitan bonus ("**sekuriti berbangkit**"),

dengan ubah suaian yang perlu, mengikut mana-mana yang berkenaan:

- (i) penerbit tersenarai dengan serta-merta mengumumkan terbitan bonus itu kepada Bursa apabila kelulusan lembaga pengarah penerbit tersenarai diperolehi;
- (ii) penerbit tersenarai memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaian bagi terbitan bonus dan sekuriti berbangkit, jika ada, berserta dengan dokumen sokongan;
- (iii) Bursa memberikan kelulusan bagi penyenaian dan sebut harga terbitan bonus sekuriti dan sekuriti berbangkit, jika ada dan mengesahkan bahawa ia tidak mempunyai ulasan lanjut terhadap draf surat pekeliling;
- (iv) penerbit tersenarai mendapatkan kelulusan pemegang syer;

Tatacara Penyenaian bagi Terbitan Baharu Sekuriti dan Pembahagian Kecil Syer

- (v) penerbit tersenarai menetapkan tarikh tutup buku bagi terbitan bonus dan sekuriti berbangkit, jika ada, dan dengan serta-merta mengumumkan tarikh itu kepada Bursa mengikut perenggan 6.35 Kehendak-Kehendak Penyenaian;
- (vi) penerbit tersenarai menerbitkan dan mengumpukkan sekuriti. Jika terbitan bonus ialah Terbitan Bonus Ditetukan, penerbit tersenarai mesti menerbitkan dan mengumpukkan sekuriti pada tarikh tutup buku;
- (vii) penerbit tersenarai mengumumkan kepada Bursa bilangan sekuriti yang akan disenaraikan dan disebut harga; dan
- (viii) sekuriti diterima masuk ke Senarai Rasmi dan disebut harga di Bursa. Jika terbitan bonus ialah Terbitan Bonus Ditetukan, terbitan bonus sekuriti dan sekuriti berbangkit, jika ada, diterima ke Senarai Rasmi dan disebut harga di Bursa pada hari pasaran yang berikutnya selepas tarikh tutup buku.

4.0 Tatacara yang berhubungan dengan penyenaian sekuriti tambahan yang sama jenis dan kelas

4.1 Tatacara dalam perenggan 4.2 di bawah terpakai bagi penyenaian sekuriti tambahan dengan ubah suaian yang perlu, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika sekuriti tambahan itu akan disenaraikan dan disebut harga sebagai sekuriti tersenarai sedia ada yang sama jenis dan kelas.

4.2 Tatacara yang disebut dalam perenggan 4.1 adalah seperti yang berikut:

- (a) penerbit tersenarai dengan serta-merta mengumumkan terbitan baharu sekuriti kepada Bursa apabila kelulusan lembaga pengarah penerbit tersenarai telah diberikan;
- (b) penerbit tersenarai memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaian bagi sekuriti tambahan berserta dengan dokumen sokongan dan draf surat pekeliling untuk kajian semula Bursa, jika berkenaan;
- (c) Bursa memberikan kelulusan bagi penyenaian sekuriti tambahan dan mengesahkan bahawa ia tidak mempunyai ulasan lanjut terhadap draf surat pekeliling;
- (d) penerbit tersenarai mendapatkan kelulusan pemegang syer, jika dikehendaki;
- (e) penerbit tersenarai menetapkan tarikh tutup buku dan kelayakan yang berkenaan, jika berkenaan dan dengan serta-merta mengumumkan tarikh itu kepada Bursa;
- (f) penerbit tersenarai menerbitkan dan mengumpukkan sekuriti tambahan;
- (g) penerbit tersenarai mengumumkan penyenaian sekuriti tambahan mengikut perenggan 13.2 di bawah; dan
- (h) sekuriti tambahan disenaraikan dan disebut harga di Bursa.

4.3 Tatacara dalam perenggan 4.2 di atas tidak terpakai bagi penerbitan sekuriti tambahan -

- (a) yang tertakluk kepada apa-apa cadangan korporat lain yang melibatkan -

Tatacara Penyenaian bagi Terbitan Baharu Sekuriti dan Pembahagian Kecil Syer

- (i) penerbitan sekuriti tambahan yang tidak akan disenaraikan dan disebut harga sebagai sekuriti tersenarai sedia ada yang sama kelas; atau
 - (ii) penerbitan sekuriti jenis baharu, atau
- (b) yang sekuriti itu digabungkan bersama dengan sekuriti jenis baharu.
- 4.4 Bagi maksud perenggan ini, “**sekuriti tambahan**” merujuk kepada terbitan lanjut sekuriti tersenarai yang sama jenis dan kelas.

4A.0 Tatacara yang berhubungan dengan pembahagian kecil

- 4A.1 Penerbit tersenarai yang menjalankan pembahagian kecil syernya mesti mematuhi tatacara yang dinyatakan dalam perenggan 3.0 di atas dengan ubah suaian yang perlu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

5.0 Ringkasan tatacara penyenaian

- 5.1 Lampiran PN28-A meringkaskan tatacara permohonan penyenaian yang dinyatakan dalam perenggan 2.0, 3.0 dan 4.0 di atas.

6.0 Bentuk permohonan penyenaian dan sebut harga dan dokumen sokongan

- 6.1 Penerbit tersenarai mesti memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaian bagi terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer yang terdiri daripada yang berikut:
- (a) permohonan, dalam bentuk Bahagian A Lampiran PN28-B; dan
 - (b) dokumen sokongan yang dinyatakan dalam Bahagian B Lampiran PN28-B.
- 6.2 Tertakluk kepada perenggan 6.3 di bawah, penerbit tersenarai mesti juga memfailkan dengan Bursa permohonan sebut harga terbitan baharu sekuriti yang disertakan bersama dengan dokumen yang dinyatakan dalam Bahagian C Lampiran PN28-B dan apa-apa dokumen lain yang dinyatakan dalam kelulusan secara prinsip yang diberikan oleh Bursa.
- 6.3 Permohonan sebut harga tidak dikehendaki bagi permohonan penyenaian yang tertakluk kepada tatacara penyenaian yang dinyatakan dalam perenggan 3.0 dan 4.0 di atas.

7.0 Bentuk permohonan penyenaian dan sebut harga bagi syer keutamaan boleh tebus

- 7.1 Bagi permohonan penyenaian bagi syer keutamaan boleh tebus, sebagai tambahan kepada dokumen yang dinyatakan dalam perenggan 6.1 di atas, penerbit tersenarai juga mesti memasukkan yang berikut:
- (a) maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian D Lampiran PN28-B, tertakluk kepada penyesuaian yang perlu; dan
 - (b) dokumen sokongan yang dinyatakan dalam Bahagian E Lampiran PN28-B.

8.0 Permohonan penyenaian dan sebut harga bagi sekuriti boleh ubah

- 8.1 Bagi permohonan penyenaian bagi sekuriti boleh ubah, sebagai tambahan kepada dokumen yang dinyatakan dalam perenggan 6.1 di atas, penerbit tersenarai juga mesti memfailkan dengan Bursa berserta dengan permohonan penyenaian, dokumen sokongan yang dinyatakan dalam Bahagian F Lampiran PN28-B.

9.0 [Dipotong]**BAHAGIAN II KEHENDAK LAIN YANG BERKENAAN****10.0 Penyenaian sekuriti yang diterbitkan dan belum diterbitkan**

- 10.1 Penerbit tersenarai mesti mematuhi perenggan 6.0 Nota Amalan 21 seolah-olah ia ialah pemohon, dengan ubah suaian yang perlu. Bagi maksud ini, "**kelulusan**" yang disebut dalam perenggan 6.0 Nota Amalan 21 termasuk "**kelulusan secara prinsip**".

11.0 Pengkreditan sekuriti

- 11.1 Tertakluk kepada perenggan 11.3 di bawah, penerbit tersenarai mesti memastikan bahawa semua terbitan baharu sekuriti yang baginya penyenaian dimohon adalah melalui pengkreditan akaun sekuriti penerima pengumpulan sekuriti itu.
- 11.2 Bagi maksud di atas, penerbit tersenarai mesti memberitahu Depositori semua butir-butir yang dikehendaki oleh Depositori, untuk membolehkan Depositori membuat catatan yang bersesuaian dalam akaun sekuriti penerima pengumpulan itu.
- 11.3 Perenggan 11.1 di atas tidak terpakai jika penerbit tersenarai dikecualikan secara khusus daripada pematuhan seksyen 38 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.

12.0 Terbitan atau pengumpulan sekuriti

- 12.1 Penerbit tersenarai tidak boleh menerbitkan atau mengumpulkan sekuriti sehingga selepas ia memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaian bagi terbitan baharu sekuriti itu dan telah dimaklumkan oleh Bursa bahawa terbitan baharu sekuriti itu telah diluluskan atau diluluskan secara prinsip bagi penyenaian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

13.0 Pengumuman berkenaan dengan terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer

- 13.1 Sekiranya penerbit tersenarai gagal untuk membuat permohonan kepada SC atau Bursa mengikut tarikh yang dinyatakan dalam pengumuman yang dibuat di bawah perenggan 2.0, 3.0 atau 4.0 di atas, ia mesti dengan serta-merta mengumumkan kepada Bursa hakikat kegagalan itu, sebabnya dan bila ia menjangka untuk membuat permohonan itu.
- 13.2 Jika sekuriti tambahan disenaraikan mengikut tatacara yang dinyatakan dalam perenggan 4.0 di atas, penerbit tersenarai mesti mengumumkan maklumat yang berikut dengan serta merta apabila menerima pengesahan daripada Depositori bahawa sekuriti itu sedia untuk dikreditkan ke dalam akaun pemegang sekuriti masing-masing:

Tatacara Penyenaiaan bagi Terbitan Baharu Sekuriti dan Pembahagian Kecil Syer

- (a) perincian cadangan korporat;
- (b) jumlah bilangan sekuriti yang diterbitkan di bawah setiap cadangan dan harga terbitan per syer, jika ada;
- (c) tarikh penyenaiaan dan sebut harga; dan
- (d) modal syer terkini dan bilangan syer penerbit tersenarai yang diterbitkan selepas cadangan yang menunjukkan bilangan syer (dalam unit dan RM).

LAMPIRAN PN28-A

Ringkasan tatacara penyenaian
(perenggan 5.0)

Bil.	Cadangan	Tatacara yang Terpakai (Perenggan Nota Amalan 28)	Permohonan Sebut Harga Dikehendaki?	Tarikh Penyenaian
Terbitan Bonus				
A	Terbitan bonus sekuriti ("BI") Yang merupakan Terbitan Bonus Ditetapkan	3.0	Tidak	B + 1
B	BI yang tertakluk kepada D			
	BI	3.0	Tidak	Tarikh yang Berkenaan
	D	4.0	Tidak	Tarikh yang Berkenaan
C	BI yang tertakluk kepada—			
	(i) E; atau (ii) F; atau (iii) E atau F, dan D atau (iv) E, F, dan D	3.0	Tidak	Tarikh yang Berkenaan (yang mestilah Q + 2 daripada D, E, F)
	BI			
	D, E, F	2.0	Ya	Q + 2
Lain-lain				
D	Cadangan yang melibatkan penerbitan sekuriti tambahan yang akan disenaraikan dan disebut harga sebagai sekuriti tersenarai sedia ada yang sama kelas dan tidak tertakluk kepada E atau F	4.0	Tidak	Tarikh yang Berkenaan

Lampiran PN28-A
Ringkasan tatacara penyenaraian

Bil.	Cadangan	Tatacara yang Terpakai (Perenggan Nota Amalan 28)	Permohonan Sebut Harga Dikehendaki?	Tarikh Penyenaraian
E	Cadangan yang melibatkan penerbitan sekuriti tambahan yang tidak akan disenaraikan dan disebut harga sebagai sekuriti tersenarai sedia ada yang sama kelas	2.0	Ya	Q + 2
F	Cadangan yang melibatkan penerbitan sekuriti jenis baharu contohnya waran, saham pinjaman tidak bercagar boleh ubah yang tak boleh tebus (ICULS), syer keutamaan, dsb.	2.0	Ya	Q + 2
G	Cadangan yang melibatkan penerbitan sekuriti tambahan yang akan disenaraikan dan disebut harga sebagai sekuriti tersenarai sedia ada yang sama kelas dan apa-apa sekuriti tambahan yang digabungkan dengan sekuriti jenis baharu.	2.0	Ya	Q + 2

Takrif dan tafsiran

- (a) "B" ertinya tarikh tutup buku.
- (b) "BI" ertinya terbitan bonus sekuriti.
- (c) "Q" ertinya tarikh permohonan sebut harga dikemukakan kepada Bursa.
- (d) "Tarikh yang Berkenaan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam perenggan 6.35(3) Kehendak-Kehendak Penyenaraian.
- (e) "Terbitan Bonus Ditetapkan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam perenggan 6.01(4) Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

[Lampiran Tamat]

Lampiran PN28-B

Permohonan penyenaaran bagi terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer

LAMPIRAN PN28-B

Bahagian A

Permohonan penyenaaran berhubung dengan terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer
(perenggan 6.1(a), 7.1 dan 7.2)

Sila tanda mengikut yang berkenaan. Jika tidak berkenaan, sila nyatakan "T/B"
[Anda boleh tandakan lebih daripada satu kotak, jika berkenaan]

Potong mengikut kesesuaian

1.	Nama perbadanan	
2.	Jenis cadangan korporat	<p>(a) Pemerolehan (yang tidak menyebabkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan dan dasar penerbit tersenarai) <input type="checkbox"/></p> <p>(b) Terbitan hak <input type="checkbox"/></p> <p>(c) Terbitan khas <input type="checkbox"/></p> <p>(d) Tawaran persendirian <input type="checkbox"/></p> <p>(e) Terbitan bonus <input type="checkbox"/></p> <p>(f) Skim Penerbitan Syer <input type="checkbox"/></p> <p>(g) Pembahagian kecil syer <input type="checkbox"/></p> <p>(h) Lain-lain: _____ <input type="checkbox"/></p>
	Nisbah peratusan (jika berkenaan)	<p>(a) Perolehan _____ % _____ _____</p> <p>(b) Perolehan _____ % _____ _____</p> <p>(c) Perolehan _____ % _____ _____</p>

Lampiran PN28-B
Permohonan penyenaian bagi terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer

3.	Pengesahan oleh penerbit tersenarai	<p>Kami, penerbit tersenarai, mengesahkan bahawa kami -</p> <p>(a) #pernah/tidak pernah disabitkan atau dituduh atas apa-apa kesalahan di bawah undang-undang sekuriti, undang-undang perbadanan atau undang-undang lain yang melibatkan fraud atau ketidakjujuran dalam mahkamah undang-undang, bagi 10 tahun yang lepas sebelum pengemukaan; dan</p> <p>(b) #pernah/tidak pernah tertakluk kepada apa-apa tindakan oleh Bursa bagi apa-apa pelanggaran Kehendak-Kehendak Penyenaian Pasaran Utama (“LR”) Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa”) atau Kaedah-Kaedah Bursa, bagi 5 tahun yang lepas sebelum pengemukaan.</p> <p>Jika ya, sila kemukakan perincian dalam lampiran.</p>
4.	Pengesahan oleh pengarah penerbit tersenarai	<p>Kami, melampirkan akuan oleh setiap pengarah kami bahawa dia -</p> <p>(a) bukan bankrap yang belum dilepaskan dan tidak pada masa ini tertakluk kepada apa-apa prosiding di bawah undang-undang kebangkrutan;</p> <p>(b) tidak pernah dituduh, disabitkan atau dikompaun bagi apa-apa kesalahan di bawah undang-undang sekuriti, undang-undang perbadanan, atau mana-mana undang-undang lain yang melibatkan rasuah, fraud atau ketidakjujuran dalam mahkamah undang-undang;</p> <p>(c) tiada tindakan yang telah diambil terhadapnya bagi apa-apa pelanggaran kehendak-kehendak penyenaian atau kaedah-kaedah yang dikeluarkan oleh Bursa bagi 5 tahun yang lepas; dan</p> <p>(d) tidak pernah tertakluk kepada apa-apa inkuiri atau penyiasatan oleh mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa kawal selia atau badan bagi tempoh 5 tahun yang lepas.</p>
5.	Pengesahan yang berhubung dengan percanggahan kepentingan	<p>Cadangan dalam butiran (2) di atas #menimbulkan/tidak menimbulkan apa-apa situasi percanggahan kepentingan.</p> <p>Jika ya, sila kemukakan perincian dalam lampiran.</p>
6.	Pengesahan bagi Nota Amalan 16	<p>(a) pemohon ialah Syarikat Tunai Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/></p> <p>(b) Cadangan dalam butiran (2) #ialah pelan untuk menjadikan teratur keadaan Syarikat Tunai sebagaimana yang disebut dalam perenggan 8.03(5) LR Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/></p>

Lampiran PN28-B

Permohonan penyenaaran bagi terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer

7.	Pengesahan bagi Nota Amalan 17 ("PN17")	<p>(a) pemohon ialah Penerbit PN17 Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/></p> <p>(b) Cadangan dalam butiran (2) #ialah pelan untuk menjadikan teratur keadaan Penerbit PN17 sebagaimana yang disebut dalam perenggan 8.04(3) LR Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/></p>
8.	Perincian cadangan termasuk bilangan & jenis sekuriti yang dimohon untuk disenaraikan, & harga terbitan (jika ada)	
9.	Denominasi mata wang yang sekuriti baharu akan disenaraikan dan disebut harga	<p>(a) Ringgit Malaysia ("RM") <input type="checkbox"/></p> <p>(b) Lain-lain : (Sila nyatakan) -----</p> <p>Sekiranya sekuriti baharu disenaraikan dan disebut harga dalam mata wang selain RM, sama ada kelulusan Bank Negara Malaysia telah diperoleh? Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/></p>
10.	Peringkat sekuriti baharu	<p>Sekuriti baharu #akan/tidak akan disenaraikan dan disebut harga sebagai sekuriti tersenarai sedia ada yang sama kelas.</p> <p>Sekiranya sekuriti baharu akan disebut harga secara berasingan pada tarikh penyenaaran, perincian tentang yang tidak layak: _____</p>
11.	Syer Keutamaan Boleh Tebus	<p>Maklumat tambahan bagi syer keutamaan boleh tebus sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian D Lampiran PN28-B yang dilampirkan <input type="checkbox"/></p>
12.	*Pemegangan jawatan pengarah dan/atau pemegangan syer substansial pemegang syer mengawal	<p>Senarai yang menyatakan pemegangan jawatan pengarah dan/atau pemegangan syer substansial pemegang syer mengawal dalam semua penerbit tersenarai lain di Malaysia bagi 3 tahun yang lepas, dilampirkan. <input type="checkbox"/></p> <p><i>* Tidak terpakai bagi pemegang syer mengawal yang merupakan institusi berkanun yang menguruskan dana yang dimiliki oleh awam.</i></p>

Permohonan penyenaian bagi terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer

13.	Penerbitan sekuriti secara tidak pro rata	<p>Jika penerbitan baharu sekuriti adalah secara tidak pro rata –</p> <p>Senarai yang menyatakan kelas penerima tawaran (iaitu sama ada mereka pelabur awam atau pengarah/pemegang syer substansial pemohon) dan amaun sekuriti yang hendak diuntukkan bagi setiap penerima tawaran atau setiap kelas penerima tawaran, dilampirkan <input type="checkbox"/></p> <p>Nota: Jika penerima tawaran yang dikenal pasti ialah penama perbadanan atau dana, nama benefisiari terakhir mesti dizahirkan.</p>
14.	Kesyaratan cadangan/ harga	<p>(a) Harga terbitan #adalah tertakluk/tidak tertakluk kepada apa-apa cadangan lain</p> <p>(b) Cadangan ini #adalah tertakluk/tidak tertakluk kepada apa-apa cadangan lain</p> <p>Jika ya, kemukakan perincian aktiviti korporat lain, termasuk anggaran rangka masa untuk penyelesaian:</p> <p>_____</p>
15.	Tebaran pemegangan syer awam	<p><u>SYER BIASA</u></p> <p>Jika cadangan mengakibatkan ketidakpatuhan kepada perenggan 8.02(1) LR, perincian tentang pemegangan syer awam sebagaimana dalam Bahagian B(1)(d) Lampiran PN21-A LR dan sebabnya dilampirkan. <input type="checkbox"/></p>
16. SKIM PENERBITAN SYER		
16A	Pengesahan	Kami mengesahkan bahawa Skim Penerbitan Syer mematuhi sepenuhnya Bahagian G Bab 6 LR
17. TERBITAN BONUS & PEMBAHAGIAN KECIL SYER		
17A	Pengesahan pematuhan dan kecukupan rizab	<p><u>Terbitan Bonus</u></p> <p>(a) Terbitan bonus mematuhi sepenuhnya perenggan 6.30 LR <input type="checkbox"/></p> <p>(b) Akauntan pelapor atau juruaudit luar telah mengesahkan bahawa rizab mencukupi untuk meliputi terbitan permodalan mengikut perenggan 6.30(2)(b), jika berkenaan <input type="checkbox"/></p> <p><u>Pembahagian kecil syer</u></p> <p>(c) Pembahagian kecil syer mematuhi sepenuhnya perenggan 6.30(1A) LR <input type="checkbox"/></p> <p>(d) Cadangan pembahagian kecil syer akan diluluskan melalui -</p> <p>(i) ketetapan biasa mengikut perlembagaannya; atau <input type="checkbox"/></p> <p>(ii) ketetapan khas <input type="checkbox"/></p>

Permohonan penyenaian bagi terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer

17B	Terbitan bonus melalui permodalan akan dipermodalakan sepenuhnya daripada yang berikut:	<p>(a) Akaun Untung Tertahan <input type="checkbox"/></p> <p>(b) [Dipotong]</p> <p>(c) Lebihan yang timbul daripada penilaian semula pelaburan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu <input type="checkbox"/></p> <p>(d) Lebihan yang timbul daripada penilaian semula harta tanah (sekurang-kurangnya 20% amaun penilaian akan ditahan) <input type="checkbox"/></p>
17C	Kesyaratan	<p>(a) Terbitan bonus/pembahagian kecil syer tidak tertakluk kepada cadangan korporat lain <input type="checkbox"/></p> <p>(b) Terbitan bonus adalah tertakluk kepada pembahagian kecil atau penyatuan serentak <input type="checkbox"/></p> <p>(c) Terbitan bonus/ pembahagian kecil syer tertakluk kepada cadangan korporat lain. <input type="checkbox"/></p> <p>Nyatakan perincian cadangan korporat lain dan anggaran rangka masa bagi penyelesaiannya</p> <hr/>
17D	Aku janji bagi terbitan bonus/ pembahagian kecil syer	<p>Kami mengaku janji yang berikut:</p> <p>(a) penyata pengumpulan akan difailkan dengan Pendaftar menurut Akta Syarikat atau berhubung dengan perbadanan asing, dokumen yang berkenaan yang menunjukkan modal terbitan dan berbayar terkini akan difailkan dengan pihak berkuasa yang berkenaan menurut undang-undang tempat pemerbadanan;</p> <p>(b) semua notis pengumpulan akan dikeluarkan dan dihantar kepada pemegang yang layak seberapa segera yang dapat dilaksanakan dan dalam apa-apa keadaan, tidak lewat daripada 4 hari pasaran selepas tarikh penyenaian dan sebut harga;</p> <p>(c) sekuriti baharu akan disenaraikan dan disebut harga sebagai sekuriti tersenarai sedia ada yang sama kelas;</p> <p>(d) semua syarat, termasuk syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, jika ada, yang dikehendaki untuk dipenuhi sebelum penyenaian dan sebut harga sekuriti akan dipenuhi;</p> <p>(e) tidak ada hal keadaan atau fakta yang mempunyai kesan menghalang atau melarang penerbitan, penyenaian dan/atau sebut harga sekuriti termasuk apa-apa perintah, injuksi atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang; dan</p>

Lampiran PN28-B

Permohonan penyenaian bagi terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer

		(f) akan dengan serta-merta memaklumkan Bursa apabila menyedari, selepas pengemukakan permohonan penyenaian, bahawa penerbit tersenarai telah gagal untuk memenuhi mana-mana aku janji di atas yang disebut dalam perenggan (a) hingga (d) atau tentang mana-mana hal keadaan atau fakta yang disebut dalam perenggan (e) di atas.
18.	TERBITAN SEKURITI TIDAK SECARA PRO RATA DI BAWAH MANDAT UMUM	
18A	Pengesahan daripada Penasihat Utama	<p>Kami mengesahkan bahawa –</p> <p>(i) Perenggan 6.03 LR telah dipatuhi <input type="checkbox"/></p> <p>(ii) Perenggan 6.04 LR telah dipatuhi <input type="checkbox"/></p>
19.	CADANGAN KORPORAT YANG TERMASUK DI BAWAH PERENGGAN 4.1 DAN 4.2 NOTA AMALAN 28	
19A	Aku janji bagi cadangan korporat yang menggunakan tatacara di bawah perenggan 4.1 dan 4.2	<p>Kami mengaku janji yang berikut:</p> <p>(a) penyata pengumpulan akan difailkan dengan Pendaftar menurut Akta Syarikat atau berhubung dengan perbadanan asing, dokumen yang berkenaan yang menunjukkan modal terbitan dan berbayar terkini akan difailkan dengan pihak berkuasa yang berkenaan menurut undang-undang tempat pemerbadanan;</p> <p>(b) semua notis pengumpulan akan dikeluarkan dan dihantar kepada pemegang yang layak seberapa segera yang dapat dilaksanakan dan dalam apa-apa keadaan, tidak lewat daripada 4 hari pasaran selepas tarikh penyenaian dan sebut harga;</p> <p>(c) sekuriti baharu akan disenaraikan dan disebut harga sebagai sekuriti tersenarai sedia ada yang sama kelas;</p> <p>(d) semua syarat, termasuk syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, jika ada, yang dikehendaki untuk dipenuhi sebelum penyenaian dan sebut harga sekuriti akan dipenuhi;</p> <p>(e) tidak ada hal keadaan atau fakta yang mempunyai kesan menghalang atau melarang penerbitan, penyenaian dan/atau sebut harga sekuriti termasuk apa-apa perintah, injuksi atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang;</p> <p>(f) akan dengan serta-merta memaklumkan Bursa apabila menyedari, selepas pengemukakan permohonan penyenaian, bahawa penerbit tersenarai telah gagal untuk memenuhi mana-mana aku janji di atas yang disebut dalam perenggan (a) hingga (d) atau tentang mana-mana hal keadaan atau fakta yang disebut dalam perenggan (e) di atas; dan</p>

Lampiran PN28-B

Permohonan penyenaaran bagi terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer

		(g) untuk mengumumkan kepada Bursa maklumat yang berkenaan mengikut perenggan 13.2 Nota Amalan 28.
<p>[Penandatanganan Penasihat Utama yang diberi kuasa] Nama: Jawatan: Tarikh:</p>		<p>[Penandatanganan penerbit tersenarai yang diberi kuasa] Nama: Jawatan: Tarikh:</p>

Bahagian B

Dokumen yang perlu difailkan bersama dengan permohonan penyenaaran bagi terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer
 (perenggan 6.1(b), 7.1, 8.1 dan 9.1)

- (1) Penerbit tersenarai mesti memfailkan dokumen yang berikut untuk menyokong permohonan penyenaaran bagi terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer:
- (a) salinan pengumuman, surat pekeliling, prospektus atau prospektus ringkas yang didaftarkan dengan pihak berkuasa yang berkenaan;
 - (b) salinan sah terperinci ketetapan yang berkenaan yang diluluskan oleh pemegang sekuriti dalam mesyuarat agung;
 - (c) surat daripada Penasihat Utama penerbit tersenarai yang mengesahkan bahawa semua kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan telah diperolehi;
 - (d) salinan setiap semua surat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan;
 - (dA) dalam hal terbitan bonus melalui permodalan –
 - (i) pernyataan daripada penerbit tersenarai yang mengesahkan bahawa ia mempunyai rizab yang mencukupi untuk meliputi permodalan; dan
 - (ii) jika pengesahan oleh juruaudit luar atau akauntan pelapor dikehendaki di bawah perenggan 6.30(2)(b) Kehendak-Kehendak Penyenaaran, laporan daripada juruaudit luar atau akauntan pelapor itu;
 - (dB) dalam hal bonus terbitan atau pembahagian kecil syer, suatu jadual yang menunjukkan sebelum dan selepas terbitan bonus/ pembahagian kecil syer, yang berikut:
 - (i) penetapan dan hak milik setiap kelas syer; dan
 - (ii) bilangan syer yang diterbitkan.
 - (e) dalam hal Skim Penerbitan Syer, salinan draf undang-undang kecil; dan

Lampiran PN28-B
Permohonan penyenaian bagi terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer

- (f) bagi cadangan yang menggunakan tatacara di bawah perenggan 3.0 dan 4.0 Nota Amalan 28, cek yang dikeluarkan untuk dibayar kepada Bursa Malaysia Securities Berhad atau apa-apa bukti pembayaran lain yang boleh diterima oleh Bursa bagi fi pemprosesan dan penyenaian sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa, berserta dengan salinan perincian pengiraan amaun fi penyenaian yang kena dibayar.
- (2) Sekiranya mana-mana dokumen di atas tidak difailkan kerana dokumen itu tidak berkenaan atau tidak tersedia dalam mana-mana hal, penerbit tersenarai mesti mengemukakan ekshibit berasingan yang menjelaskan sebab dokumen itu tidak berkenaan atau tidak tersedia.
- (3) Pengesahan dalam subperenggan (1)(c) di atas boleh dikemukakan oleh penerbit tersenarai sebagai ganti Penasihat Utama, bagi permohonan penyenaian pembahagian kecil syer atau terbitan baharu sekuriti yang timbul daripada -
 - (a) pelaksanaan atau perubahan sekuriti boleh ubah;
 - (b) pelaksanaan opsyen di bawah Skim Penerbitan Syer; atau
 - (c) Terbitan Bonus Ditetapkan sekuriti ekuiti.

Bahagian C

Dokumen yang perlu difailkan bersama dengan permohonan sebut harga terbitan baharu sekuriti
(perenggan 6.2)

- (1) Penerbit tersenarai mesti memfailkan dokumen yang berikut untuk menyokong permohonan sebut harga bagi terbitan baharu sekuriti:
 - (a) pengesahan daripada penerbit tersenarai tentang modal syer terkini dan bilangan syer yang diterbitkan;
 - (b) pengesahan bahawa semua notis pengumpulan telah dikeluarkan dan dihantar kepada pemegang yang layak;
 - (c) pengesahan daripada penerbit tersenarai bahawa Depositori sedia untuk mengkreditkan sekuriti baharu ke akaun pemegang yang layak, selepas menerima maklumat pengumpulan bagi pengkreditan sekuriti baharu;
 - (d) cek yang dikeluarkan untuk dibayar kepada Bursa Malaysia Securities Berhad atau apa-apa bukti pembayaran lain yang boleh diterima oleh Bursa bagi fi penyenaian sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa, berserta dengan salinan perincian pengiraan amaun fi penyenaian yang kena dibayar;
 - (e) pengesahan daripada Penasihat Utama tentang sama ada terbitan baharu sekuriti akan disenaraikan dan disebut harga sebagai sekuriti sedia ada yang sama kelas atau akan disebut harga secara berasingan pada tarikh penyenaian. Sekiranya terbitan baharu sekuriti akan disebut harga secara berasingan pada tarikh penyenaian, nyatakan kelayakan yang pemegang terbitan baharu sekuriti tidak layak;

Lampiran PN28-B
Permohonan penyenaiaan bagi terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer

- (f) pengesahan daripada Penasihat Utama bahawa semua syarat, termasuk syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, jika ada, yang dikehendaki untuk dipenuhi sebelum penyenaiaan dan sebut harga sekuriti itu telah dipenuhi;
 - (g) pengesahan daripada Penasihat Utama bahawa tiada hal keadaan atau fakta yang mempunyai kesan menghalang atau melarang penerbitan, penyenaiaan dan/atau sebut harga sekuriti termasuk apa-apa perintah, injuksi atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang; dan
 - (h) apa-apa dokumen lain yang tidak/belum dikemukakan menurut Bahagian B Lampiran PN28-B.
- (2) Pengesahan yang berkenaan dalam subperenggan (1)(e), (f) atau (g) di atas boleh dikemukakan oleh penerbit tersenarai sebagai ganti Penasihat Utama, bagi permohonan untuk sebut harga terbitan baharu sekuriti yang timbul daripada –
- (a) pelaksanaan atau perubahan sekuriti boleh ubah;
 - (b) pelaksanaan opsyen di bawah Skim Penerbitan Syer atau
 - (c) Terbitan Bonus Ditetentukan sekuriti ekuiti.

Bahagian D

Maklumat tambahan bagi syer keutamaan boleh tebus
(perenggan 7.1(a))

- (1) Kadar dividen keutamaan dan tarikh pembayaran dividen keutamaan.
- (2) Kaedah penebusan.
- (3) Ringkasan terma material lain bagi terbitan.

Bahagian E

Dokumen sokongan tambahan yang perlu difailkan bersama dengan permohonan penyenaiaan bagi syer keutamaan boleh tebus
(perenggan 7.1(b))

- (1) Penerbit tersenarai mesti memfailkan salinan perlembagaannya bagi menyokong permohonan penyenaiaan bagi syer keutamaan boleh tebus.

Lampiran PN28-B
Permohonan penyenaian bagi terbitan baharu sekuriti atau pembahagian kecil syer

Bahagian F

Dokumen sokongan tambahan yang perlu difailkan bersama dengan permohonan penyenaian bagi sekuriti boleh ubah
(perenggan 8.1)

- (1) Penerbit tersenarai mesti memfailkan salinan surat ikatan pol yang telah ditandatangani dengan sewajarnya bagi menyokong permohonan penyenaian bagi sekuriti boleh ubah.
- (2) Sekiranya dokumen di atas tidak difailkan kerana ia tidak berkenaan dalam mana-mana hal, penerbit tersenarai mesti mengemukakan ekshibit berasingan yang menjelaskan sebab dokumen itu tidak berkenaan.

[Lampiran Tamat]

**Lampiran PN28-C
Permohonan penyenaian bagi terbitan baharu unit
bagi dana dagangan bursa**

LAMPIRAN PN28-C

[Dipotong]